

Kertas Bil. 37/2022



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
PERTAMA PENGGAL KELIMA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KEEMPAT BELAS
PADA 14 – 18 MAC DAN 21 MAC 2022**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PENGURUSAN SUMBER AIR
SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE
MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR (JPK-SAS)
BERHUBUNG PROJEK PEMBANGUNAN LOJI RAWATAN AIR SUNGAI
RASAU
KERTAS BILANGAN 9/2022**

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR BERHUBUNG PROJEK PEMBANGUNAN LOJIRAWATAN AIR SUNGAI RASAU BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS TAHUN 2022 YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGKAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 14 MAC HINGGA 18 MAC 2022 DAN 21 MAC 2022

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN MMKN
Kertas Mesyuarat Bil 9 / 2022	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR BERHUBUNG PROJEK PEMBANGUNAN LOJIRAWATAN AIR SUNGAI RASAU BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS TAHUN 2022	5.1	Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kepastian dan komitmen Kerajaan Persekutuan berkenaan geran RM1.3 bilion untuk membiayai kerja-kerja memajukan <i>sourceworks</i> . Perkara ini penting untuk memastikan kerja-kerja <i>sourceworks</i> adalah seiring dengan pelaksanaan projek pembangunan LRA Sungai Rasau. Ini adalah bagi mengelakkan sebarang rencatan garis masa dan untuk memastikan pengoperasian LRA tersebut dapat dilaksanakan sebaik sahaja ia siap dibina.		Pembiayaan Projek ini adalah di bawah geran dari Kerajaan Persekutuan yang dianggarkan sebanyak RM1.3 bilion. Maklumat awal menyatakan bahawa pihak Kerajaan Persekutuan telah bersetuju dengan cadangan geran di bawah RMKe12.
		5.2	Jawatankuasa mencadangkan agar bilangan kekerapan sesi mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Pembangunan Skim Air Sungai Rasau (Task Force) dapat ditingkatkan dengan kadar yang lebih optimum bagi merapatkan koordinasi antara agensi berkaitan untuk memastikan kelancaran pembangunan projek yang lebih bersepadu dan		Pihak Air Selangor telah mendapat kerjasama yang baik dari semua jabatan / agensi berhubung proses pengambilan balik tanah. Permohonan Kebenaran Merancang (KM) telahpun dikemukakan kepada PLANMalaysia Negeri Selangor dan sedang diedarkan kepada

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR BERHUBUNG PROJEK PEMBANGUNAN LOJI RAWATAN AIR SUNGAI RASAU BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS TAHUN 2022 YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGAGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 14 MAC HINGGA 18 MAC 2022 DAN 21 MAC 2022

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN		DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN MMKN
			menepati garis masa yang telah dirancang.			semua agensi teknikal bagi ulasan.
		5.3	Jawatankuasa mencadangkan agar Kerajaan Negeri memulakan perbincangan dengan pemilik-pemilik stesen telemetri yang terletak sepanjang Sungai Klang untuk mewujudkan persetujuan bagi perkongsian data untuk pemantauan kualiti air dalam usaha membendung pencemaran dan tindakan yang perlu dilakukan apabila berlakunya pencemaran.			Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bagi Kerjasama Dalam Perkongsian Data Kuantiti dan Kualiti Air antara Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan lima (5) agensi telah di muktamadkan pada 29 Mac 2022. Agensi-agensi yang terlibat ialah Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS), Jabatan Pengaliran dan Saliran Malaysia (JPS), Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia) dan Selangor Maritime Gateway (SMG). Perkongsian data-data kualiti dan kuantiti tersebut telah di salurkan di bawah <i>Integrated Water Resources Information Management System (IWRIMS)</i> yang di kawal selia oleh pihak LUAS.

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR BERHUBUNG PROJEK PEMBANGUNAN LOJI RAWATAN AIR SUNGAI RASAU BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS TAHUN 2022 YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 14 MAC HINGGA 18 MAC 2022 DAN 21 MAC 2022

BIL	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN/TINDAKAN IMKKN
		5.4 Memandangkan kepadatan aktiviti di sepanjang Sungai Klang yang meningkatkan kemungkinan pencemaran, Jawatankuasa mencadangkan agar Kerajaan Negeri mula merancang penguatkuasaan dan pemantauan pencemaran yang lebih ketat yang boleh dilaksanakan sebaik sahaja LRA Sungai Rasau siap dibina.			Air Selangor di dalam perancangan meningkatkan pengawasan Sungai Klang bersama LUAS dan agensi-agensi berkaitan dengan mengambil kira pengalaman dan penambahbaikan berdasarkan insiden pencemaran yang terdahulu.
		5.5 Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan Negeri segera melaksanakan proses pewartaan projek pembangunan LRA Sungai Rasau sebagai 'Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (KLTL)' mengikut Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298) kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) berikutan permohonan pewartaan mengambil tempoh masa yang agak lama selaras dengan Saranan Penyata JPK-SAS (Kertas Bil. 35 Tahun 2021) yang pernah dibentangkan sebelum ini.			Air Selangor akan memaklumkan pihak MKN sebaik sahaja menerima kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada PLANMalaysia bagi mendapatkan maklumat untuk permohonan pewartaan projek pembangunan LRA Sungai Rasau sebagai 'Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (KLTL)'.

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR BERHUBUNG PROJEK PEMBANGUNAN LOJI RAWATAN AIR SUNGAI RASAU BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS TAHUN 2022 YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGAGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 14 MAC HINGGA 18 MAC 2022 DAN 21 MAC 2022

Diselarasikan oleh :



.....
(SUHAIMI BIN KAMARALZAMAN)

Ketua Pegawai Eksekutif,
Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd

Tarikh : 18 Julai 2022

Disemak dan disahkan oleh :



.....
(Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM)

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Pertanian & Perladangan dan Industri Asas Tani

Tarikh :



Y.B. TUAN IR. IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT PERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN